

如果这考卷对您有帮助, 请考虑提供您所拥有的考卷, 让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmy](https://www.facebook.com/sjkcmy)



马来西亚 • 雪兰莪州 SELANGOR • MALAYSIA  
**SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (CINA) LICK HUNG**  
SEKOLAH BERPRESTASI TINGGI (SBT) / HIGH PERFORMANCE SCHOOL  
**马来西亚首邦市力行国民型华文学校**  
(马来西亚教育部高表现学校)

MARKAH

"TO PERFORM, TO LEAD, TO BE THE BEST!"

**UJIAN PEMAHAMAN BAHASA MELAYU KALI PERTAMA**

**MASA : 1 JAM 15 MINIT**

NAMA : \_\_\_\_\_ ( )                      TARIKH : 06. 03. 2017  
KELAS : 3 ( )

**BAHAGIAN A**

**(40 markah)**

1. " \_\_\_\_\_ mesti berusaha dengan lebih tekun lagi," kata Cikgu Latif kepada murid-muridnya.  
A Awak                      B Dia                      C Kalian                      D Mereka
2. Pak Samad \_\_\_\_\_ baja pada sayur-sayurannya supaya hidup subur.  
A membubuh                      B mengangkat                      C menyiram                      D mengambil
3. Lauk-pauk yang dimasak oleh kakak sangat \_\_\_\_\_ kerana terlebih garam.  
A payau                      B masin                      C kelat                      D lemak
4. Semua murid telah menghantar tugas yang diberi oleh Cikgu Lim \_\_\_\_\_ Amin  
A tetapi                      B kecuali                      C sambil                      D jika
5. \_\_\_\_\_ kah kereta api Ekspres Senandung Malam akan tiba ?  
A Bila                      B Mengapa                      C Bagaimana                      D Apa


此考卷版权为该学校所有, 我们仅重新排版, 游览 [30.com.my](http://30.com.my) 以下载更多历年考卷  
加入 FB 群 [facebook.com/groups/sjkcmy/](https://www.facebook.com/groups/sjkcmy/) 或专页 [facebook.com/sjkcmy](https://www.facebook.com/sjkcmy) 以获取最新消息

Soalan 6 berdasarkan gambar di bawah.




6. Ibu sedang \_\_\_\_\_ baju-baju di ampaiian.  
A menyidai                      B menjahit                      C mencuci                      D menggosok
7. Encik Edward membeli se \_\_\_\_\_ anggur untuk anaknya.  
A ikat                      B gugus                      C tangkai                      D kaki

Soalan 8 berdasarkan gambar di bawah.



8. Azri \_\_\_\_\_ batu ke dalam sungai itu.  
A membaling                      B memegang                      C menyentuh                      D menyambut
9. Cikgu Amira berasal \_\_\_\_\_ negeri Kedah.  
A dari                      B daripada                      C pada                      D ke
10. Cik Kamala memakai \_\_\_\_\_ yang baru dibeli dari kedai itu.  
A anting-anting                      B daun-daun                      C anai-anai                      D labah-labah
11. Pak Abu menggunakan galah yang \_\_\_\_\_ untuk mengait buah mangga.  
A tumpul                      B runcing                      C panjang                      D bengkok

Soalan 12 berdasarkan gambar di bawah.



12. Mei Ling berlari dengan pantas kerana \_\_\_\_\_ oleh seekor anjing yang garang.  
A dikejar      B dirangkak      C digerak      D dihinggap
13. \_\_\_\_\_, harumnya bau bunga melur ini!  
A Wah      B Nah      C Aduh      D Hai
14. Encik Teo membawa \_\_\_\_\_ semasa melawat saudaranya di hospital.  
A naik angin      C buta huruf  
B buah tangan      D cakar ayam

Soalan 15 Pilih ayat yang **betul**.

15. A Suara penyanyi itu sungguh merdu.  
B Siapakah nama kucing itu?  
C Emak memasukkan buah-buahan ke atas bakul.  
D Berapakah negara kita mencapai kemerdekaan?

Soalan 16

Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberikan.

16. Pinggan yang kotor itu dibasuh oleh kakak.  
A Kakak membasuh pinggan yang kotor itu.  
B Kakak sangat kotor kerana membasuh pinggan.  
C Pinggan yang kakak basuh itu telah kotor.  
D Pinggan itu sangat kotor kerana kakak basuh.

Soalan 17 hingga 20

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Pada suatu hari, Nurul berjalan kaki pulang ke rumah. Dalam perjalanan, dia ternampak seekor kucing terjatuh ke dalam longkang. Dia segera menyelamatkan kucing itu. Dia ingin memelihara kucing tersebut. Maka, dia pun membawa kucing itu pulang ke rumahnya.

Kucing itu diberi nama Si Tompok kerana badannya berwarna hitam dan putih. Nurul selalu menjaga dan memandikan Si Tompok. Selepas dimandikan, bulu Si Tompok kelihatan cantik dan bersinar.

Si Tompok suka makan nasi, ikan, ayam dan daging. Kucing Nurul pandai menangkap tikus. Nurul akan memuji kepandaian Si Tompok setiap kali Si Tompok dapat menangkap tikus.

Selepas pulang dari sekolah. Nurul akan bermain dengan Si Tompok. Si Tompok suka mengejar rama-rama yang berterbangan di halaman rumah. Nurul sangat sayang akan Si Tompok.

17. Bilakah Nurul ternampak Si Tompok ?

- A Dalam perjalanan pulang ke rumah
- B Dalam perjalanan pergi ke sekolah
- C Pada masa lapang
- D Pada cuti sekolah



18. Apakah warna bulu Si Tompok ?
- A hitam dan perang
  - B putih dan kelabu
  - C hitam dan putih
  - D putih dan perang
19. Apakah makanan kegemaran Si Tompok ?
- A Ikan dan ayam
  - B Ikan, udang dan daging
  - C Nasi, ikan dan ayam
  - D Nasi , ikan, ayam dan daging
20. Mengapakah bulu Si Tompok kelihatan cantik dan bersinar ?
- A kerana diberi makan oleh Nurul
  - B kerana selalu dijaga dan dimandi oleh Nurul
  - C kerana selalu diberus oleh Nurul
  - D kerana dicuci dengan sabun.



Bahagian B (60 Markah)

Soalan 21

a) Tulis kata nama am pada ruang yang disediakan.

1) Puan Wong membeli sayur-sayuran yang segar di pasar.

=( ) ( )

2) Pak Amin pergi menangkap ikan di laut pada setiap hari.

=( ) ( )

3) Mak Siti memotong lobak dengan sebilah pisau yang tajam.

=( ) ( )

4) Bong Kit menggunakan pelampung semasa mandi di sungai.

=( ) ( )

5) Lina meminjam buku di perpustakaan pada waktu rehat.

=( ) ( )

b) Pilih kata nama khas yang sesuai da nisi tempat kosong

November	Pasar Raya Murni	Taman Sentosa	Toyota
Sang Kancil	Gunung Kinabalu	Encik Tan	Pak Belang

- \_\_\_\_\_ merupakan sejenis binatang yang cerdik.
- Pada hari Sabtu yang lalu, Lily mengikut ibunya membeli-belah di \_\_\_\_\_.
- \_\_\_\_\_ dilantik sebagai pengerusi PIBG sekolah itu.
- Gotong-royong di Kampung Wawasan akan diadakan pada bulan \_\_\_\_\_.
- Mei Fang dan keluarganya tinggal di \_\_\_\_\_.

c) Isi tempat kosong dengan kata kerja yang sesuai.

memanjat	melipat	melayari	Menyapu
mencabut	menonton	memetik	membalut

1. Abang \_\_\_\_\_ Internet untuk mencari maklumat.
2. Pekerja \_\_\_\_\_ daun-daun teh lalu memasukkannya ke dalam bakul.
3. Kakak menolong ibu \_\_\_\_\_ pakaian dengan kemas di ruang tamu.
4. Ah Cong \_\_\_\_\_ pokok rambutan untuk mengambil layang layangnya yang tersangkut pada pokok rambutan itu.
5. Pak Ali \_\_\_\_\_ rumput-rumput yang panjang di kebun sayurnya.

d) Garisi Kata ganti nama diri yang tepat.

1. "Datuk, (kamu, kita, kami) hendak pergi berenang," kata karim dan adiknya.
2. "(Tuanku, Patik, Beta) hendak berangkat sekarang," titah Raja Sulaiman.
3. Yin Wei seorang budak yang rajin. (Beliau, Dia, Baginda) mengulang kaji pelajaran setiap hari.
4. (Kita, Mereka, Kalian) haruslah berusaha untuk mencapai kejayaan pada masa depan.
5. Encik Wong pengurus kilang itu. (Beliau, Kalian, Hamba) disegani oleh anak buahnya.

e) Isi tempat kosong dengan Kata Adjektif yang sesuai.

tebal	lebat	kempis	Masam
licin	deras	pahit	tinggi

1. Lantai yang baru dimop itu sangat \_\_\_\_\_.
2. Adik memakai pakaian yang \_\_\_\_\_ ketika di Tanah Tinggi Cameron kerana sangat dingin.
3. Encik Lim menukar tayar keretanya yang telah \_\_\_\_\_.
4. Pokok durian di dusun datuk telah berbuah \_\_\_\_\_.
5. Kopi yang dibancuh oleh ibu sangat \_\_\_\_\_.

**Soalan 22**

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Lee Siong dan Abu berkawan baik. Mereka tinggal berjiran dan belajar di sekolah yang sama. Setiap hari, mereka menunggang basikal pergi ke sekolah bersama-sama.

Pada suatu hari, sewaktu pulang dari sekolah, mereka telah terjumpa sebuah dompet di tepi jalan. Apabila mereka membuka dompet tersebut, terdapat banyak wang di dalamnya. Mereka membawa dompet itu ke sekolah dan menyerahkan dompet itu kepada Guru Besar.

Dua hari kemudian, mereka telah dipanggil ke pejabat Guru Besar. Pemilik dompet itu mengucapkan terima kasih dan memberi hadiah kepada mereka. Dia memuji Lee Siong dan Abu kerana bersikap jujur.

1. Apakah hubungan antara Lee Siong dengan Abu?

---

---

2. Bagaimanakah mereka pergi ke sekolah?

---

---

3. Di manakah mereka terjumpa dompet itu?

---

---

4. Apakah yang dilakukan oleh mereka setelah terjumpa dompet itu?

---

---



如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmv](https://fb.com/sjkcmv)

5. Mengapakah pemilik dompet itu memberi hadiah kepada mereka?

---

---

[www.30.com.my](http://www.30.com.my)

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页：[fb.com/sjkcmy](https://fb.com/sjkcmy)

## Jawapan

### Bahagian A

- |       |       |
|-------|-------|
| 1. C  | 11. C |
| 2. A  | 12. A |
| 3. B  | 13. A |
| 4. B  | 14. B |
| 5. A  | 15. A |
| 6. A  | 16. A |
| 7. B  | 17. A |
| 8. A  | 18. C |
| 9. A  | 19. D |
| 10. A | 20. B |

### Bahagian B

- a.
1. Sayur-sayuran, pasar
  2. Ikan, laut
  3. Lobak, pisau
  4. Pelampung, sungai
  5. Buku, perpustakaan
- b.
1. Sang Kancil
  2. Pasar Raya Murni
  3. Encik Tan
  4. November
  5. Taman Sentosa
- c.
1. Melayan
  2. Memetic
  3. Melipat
  4. Memanjut
  5. mencabut
- d.
1. Kami
  2. Beta
  3. Dia
  4. Kita
  5. beliau
- e.
1. Licin
  2. Tebal
  3. Kempis
  4. Lebat

此考卷版权为该学校所有，我们仅重新排版，游览 [30.com.my](http://30.com.my) 以下载更多历年考卷  
加入 FB 群 [facebook.com/groups/sjkcmy/](https://facebook.com/groups/sjkcmy/) 或专页 [facebook.com/sjkcmy](https://facebook.com/sjkcmy) 以获取最新消息

如果这考卷对您有帮助，请考虑提供您所拥有的考卷，让其他人也受惠  
您可电邮至 [30commy@gmail.com](mailto:30commy@gmail.com) 或 PM 我们的 Facebook 专页: [fb.com/sjkcmv](https://fb.com/sjkcmv)

5. Pahit

[www.30.com.my](http://www.30.com.my)

此考卷版权为该学校所有，我们仅重新排版，游览 [30.com.my](http://30.com.my) 以下载更多历年考卷  
加入 FB 群 [facebook.com/groups/sjkcmv/](https://facebook.com/groups/sjkcmv/) 或专页 [facebook.com/sjkcmv](https://facebook.com/sjkcmv) 以获取最新消息